

K. P.U. 3.

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM) 1995

SUSUNATUR KAEDAH-KAEDAH

Kaedah

1. Nama, pemakaian dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.
3. Permohonan untuk kebenaran merancang.
4. Permohonan untuk melanjutkan lagi kebenaran merancang.
5. Fee.
6. Maklumat dan keterangan.
7. Daftar permohonan.
8. Notis kepada tuan punya tanah bersempadan.
9. Perundingan.
10. Borang untuk kebenaran merancang.
11. Notis pemberian kebenaran merancang.
12. Perintah menarik balik dan mengubahsuai.
13. Tuntutan bagi pampasan dan kos.
14. Notis-notis di bawah seksyen 27.
15. Notis-notis di bawah seksyen 28.
16. Notis-notis di bawah seksyen 29.
17. Notis permintaan.
18. Notis beli.
19. Tuntutan berikutan pematuhan notis permintaan.
20. Kad kuasa.
21. Kadar sumbangan tempat letak kereta.

JADUAL PERTAMA

Borang A

Borang B

Borang C (1)

Borang C (2)

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

Bahagian Satu

Kaedah

Bahagian Dua

Bahagian Tiga

JADUAL KEEMPAT

Borang A

Borang B

Borang C (1)

Borang C (2)

Borang D

Borang E

Borang F

Borang G

Borang H

Borang I (1)

Borang I (2)

Borang J (1)

Borang J (2)

Borang K

Borang L

Borang M

Borang N

Borang O

Borang P

Borang Q

Borang R

Borang S

Borang T

Borang U (1)

Borang U (2)

JADUAL KELIMA

Borang A

Borang B

Borang C

Borang D

JADUAL KEENAM

Borang X

JADUAL KETUJUH

Bahagian Satu

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976

KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (Am) 1995

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 58 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, Pihak Berkuasa Negeri Kedah Darul Aman membuat kaedah-kaedah yang tersebut: Akta 172.

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-kaedah Pengawalan Perancangan (Am) 1995** dan hendaklah dipakai bagi semua kawasan pihak berkuasa tempatan dalam Negeri Kedah Darul Aman. Nama, pemakaian dan mula berkuatkuasa.

(2) Kaedah-kaedah ini hendaklah berkuatkuasa mulai dari tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.

2. Bagi maksud kaedah-kaedah ini, "Akta" bermakna Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976. Tafsiran.

3. (1) Sesuatu permohonan untuk kebenaran merancang berkenaan dengan sesuatu pemajuan hendaklah dibuat dalam Borang A dalam Jadual Pertama. Permohonan untuk kebenaran merancang.

(2) Sesuatu permohonan itu hendaklah mengandungi apa-apa butir dan disertakan dengan apa-apa dokumen dan pelan yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

4. Sesuatu permohonan untuk melanjutkan atau melanjutkan lagi kebenaran merancang hendaklah di buat dalam Borang B Jadual Pertama. Permohonan untuk melanjutkan lagi kebenaran merancang.

5. Fee untuk kebenaran merancang dan melanjutkan atau melanjutkan lagi kebenaran tersebut hendaklah seperti yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga. Fee.

6. (1) Jika sesuatu permohonan untuk kebenaran merancang melibatkan pembinaan sesebuah bangunan, Pihak Berkuasa Perancang Tempatan boleh menghendaki pemohon supaya memberikan apa-apa maklumat tambahan yang perlu untuk membolehkan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan membuat keputusan di atas permohonan itu. Maklumat dan keterangan.

(2) Pihak Berkuasa Perancang Tempatan boleh menghendaki seseorang pemohon untuk kebenaran merancang supaya menunjukkan apa-apa keterangan yang munasabah untuk menyokong apa-apa maklumat yang telah diberi dalam atau berhubungan dengan permohonannya.

7. Pihak Berkuasa Perancang Tempatan hendaklah menyelenggara suatu Daftar Permohonan dalam mana hendaklah dicatatkan butir-butir permohonan apabila sahaja diterima sesuatu permohonan untuk kebenaran merancang. Daftar permohonan.

- Notis kepada
tuang punya tanah
bersampul.
8. Sesuatu notis yang disampaikan ke atas pemunya bersebelahan di bawah seksyen 21(6) Akta hendaklah dalam Borang A dalam Jadual Keempat. *Bantuan pampasan @ kos dan pampasan RTU (NOTIS)*
- Perundingan.
9. Sebelum memutuskan sesuatu permohonan untuk kebenaran merancang, Pihak Berkuasa Perancang Tempatan bolehlah berunding dengan mana-mana pihak berkuasa, jabatan, kumpulan atau orang.
- Borang untuk
kebenaran
merancang.
10. (1) Kebenaran merancang hendaklah diberi dalam Borang C(1) Jadual Pertama.
- (2) Sesuatu penolakan di dalam memberi kebenaran merancang hendaklah dibuat dalam Borang C(2), Jadual Pertama.
- Notis pemberian
kebenaran
merancang.
11. Sesuatu notis pemberian kebenaran merancang yang hendak diberi kepada seorang pembantah di bawah seksyen 22(6) hendaklah dalam Borang B dalam Jadual Keempat.
- Perintah menarik
milik dan
mengubahsuai.
12. (1) Sesuatu perintah di bawah seksyen 25(1) yang menarik balik suatu kebenaran merancang atau suatu kelulusan pelan pembangunan dan suatu perintah di bawah seksyen tersebut yang mengubahsuai kebenaran atau kelulusan hendaklah masing-masing dibuat dalam Borang C1 dan C2 dalam Jadual Keempat.
- (2) Satu salinan perintah hendaklah disampaikan ke atas orang yang kepadanya kebenaran merancang atau kelulusan pelan bangunan yang dikuatkuasakan oleh perintah telah diberi selepas sahaja Jawatankuasa memberikan pengesahannya mengikut seksyen 25(2) Akta hendaklah dibuat dalam Borang C2 dalam Jadual Keempat.
- Tuntutan bagi
pampasan dan
kos.
13. (1) Sesuatu tuntutan bagi pampasan di bawah subseksyen 7 seksyen 25 Akta hendaklah dibuat dalam Borang A Jadual Kelima dalam tempoh 6 bulan selepas disampaikan perintah yang membatalkan kebenaran merancang yang diberi di bawah seksyen 22(3) Akta kelulusan pelan bangunan yang diberi di bawah undang-undang kerajaan tempatan yang terdahulu ke atas orang yang kebenarannya atau kelulusan telah diberi.
- (2) Sesuatu tuntutan bagi kos dan pampasan di bawah subseksyen 8 seksyen 25 Akta hendaklah dibuat dalam Borang B Jadual Kelima dalam tempoh 6 bulan selepas disampaikan perintah mengubahsuai kebenaran merancang yang diberi di bawah seksyen 22(3) Akta atau kelulusan pelan bangunan yang diberi di bawah undang-undang kerajaan tempatan yang terdahulu ke atas orang yang kepadanya kebenaran atau kelulusan telah diberi.
- Notis-notis di
bawah seksyen
27.
14. (1) Sesuatu notis di bawah subseksyen (2)(a) seksyen 27 Akta menghendaki supaya dipulihkan tanah kepada keadaan asalnya, dalam hal pemajuan tanpa kebenaran merancang, hendaklah dibuat dalam Borang D Jadual Keempat.

(2) Sesuatu notis di bawah subseksyen (2)(h) seksyen 27 Akta menghendaki supaya diberhentikan pemajuan dan memulihkan tanah kepada keadaan asalnya, dalam hal pemajuan tanpa kebenaran merancang, hendaklah dibuat dalam Borang E Jadual Keempat.

(3) Sesuatu notis di bawah subseksyen (3) seksyen 27 Akta menghendaki supaya suatu permohonan untuk kebenaran merancang dibuat dalam hal pemajuan tanpa kebenaran merancang, hendaklah dibuat dalam Borang F Jadual Keempat.

(4) Sesuatu notis di bawah subseksyen (4) seksyen 27 Akta menghendaki supaya diberhentikan pemajuan, dalam hal pemajuan tanpa kebenaran merancang, hendaklah dibuat dalam Borang G Jadual Keempat.

(5) Sesuatu notis di bawah subseksyen (8) seksyen 27 Akta menghendaki supaya dipulihkan tanah kepada keadaan asalnya, selepas kegagalan memohon atau mendapat kebenaran merancang, hendaklah dibuat dalam Borang B Jadual Keempat.

15. (1) Sesuatu notis di bawah subseksyen (2)(a) seksyen 28 Akta menghendaki supaya pemajuan diselaraskan dengan kebenaran merancang dan syarat-syaratnya, atau supaya memulihkan tanah kepada keadaan asalnya, dalam hal pemajuan yang tidak selaras dengan kebenaran merancang dan syarat-syaratnya, hendaklah masing-masing dibuat dalam Borang I(1) dan I(2) Jadual Keempat.

Notis-notis di bawah seksyen 28.

(2) Sesuatu notis di bawah subseksyen (2)(b) seksyen 28 Akta menghendaki supaya memberhentikan pemajuan dan menyelaraskannya dengan kebenaran merancang dan syarat-syarat berkenaan hendaklah masing-masing dibuat dalam Borang J(1) dan J(2) Jadual Keempat.

(3) Sesuatu notis di bawah subseksyen (3) seksyen 28 Akta menghendaki supaya suatu permohonan untuk kebenaran merancang yang baru dibuat dalam hal pemajuan yang tidak selaras dengan kebenaran merancang dan syarat-syaratnya, hendaklah dibuat dalam Borang K Jadual Keempat.

(4) Sesuatu notis di bawah subseksyen (4) seksyen 28 Akta menghendaki supaya sesuatu pemajuan diberhentikan, dalam hal pemajuan yang tidak selaras dengan kebenaran merancang dan syarat-syaratnya, hendaklah dibuat dalam Borang L Jadual Keempat.

(5) Sesuatu notis di bawah subseksyen (8) seksyen 28 Akta untuk tujuan menyelaraskan pemajuan dengan kebenaran merancang dan syarat-syaratnya, hal di mana permohonan tidak dibuat bagi kebenaran merancang yang baru atau permohonan berkenaan dengan bagi kebenaran merancang yang baru ditolak di bawah subseksyen (3) seksyen 28 Akta, hendaklah dibuat dalam Borang M Jadual Keempat.

(6) Sesuatu notis di bawah subseksyen (8) seksyen 28 Akta untuk memulihkan tanah kepada keadaan asalnya, berkenaan dengan hal di mana permohonan bagi kebenaran merancang yang baru tidak dibuat atau permohonan bagi kebenaran merancang yang baru ditolak di bawah subseksyen (3) seksyen 28 Akta, hendaklah dibuat dalam Borang N Jadual Keempat.

Notis-notis
di bawah
seksyen 29.

16. (1) Sesuatu notis di bawah subseksyen (2)(a) seksyen 29 Akta untuk menyelaraskan pemajuan dengan kebenaran merancang yang telah dipinda atau pelan bangunan yang diluluskan yang telah dipinda dalam hal pemajuan yang tidak bersesuaian dengan kebenaran merancang yang telah dipinda atau diluluskan, hendaklah dibuat dalam Borang O Jadual Keempat.

(2) Sesuatu notis di bawah subseksyen (2)(b) seksyen 29 Akta menghendaki supaya sesuatu pemajuan diberhentikan dan disesuaikan dengan kebenaran merancang yang telah dipinda atau pelan bangunan yang diluluskan yang telah dipinda, dalam hal pemajuan yang tidak bersesuaian dengan kebenaran merancang yang telah dipinda atau diluluskan, hendaklah dibuat dalam Borang P' Jadual Keempat.

(3) Sesuatu notis di bawah subseksyen (3) seksyen 29 Akta menghendaki supaya tanah dipulihkan kepada keadaan asalnya, dalam hal pemajuan yang tidak bersesuaian dengan kebenaran merancang yang telah dipinda atau pelan bangunan yang diluluskan yang telah dipinda, hendaklah dibuat dalam Borang Q Jadual Keempat.

Notis
permintaan.

17. (1) Sesuatu notis permintaan di bawah subseksyen (1) seksyen 30 Akta untuk memberhentikan penggunaan tanah hendaklah dibuat dalam Borang R Jadual Keempat.

(2) Sesuatu notis permintaan di bawah subseksyen (1) seksyen 30 Akta untuk mengenakan syarat-syarat ke atas penggunaan tanah yang berterusan hendaklah dibuat dalam Borang S Jadual Keempat.

(3) Sesuatu notis permintaan di bawah subseksyen (1) seksyen 30 Akta untuk mengubah atau memindah bangunan atau kerja-kerja di atas tanah hendaklah dibuat dalam Borang T Jadual Keempat.

Notis Beli.

18. (1) Sesuatu notis pembelian di bawah seksyen 37 Akta hendaklah dibuat dalam Borang U(1) atau U(2) Jadual Keempat sebagaimana yang sesuai.

(2) Penyerahan notis pembelian ke atas Pihak Berkuasa Perancang Tempatan akan dikuatkuasakan dengan menghantarnya melalui pos berdaftar kepada Pihak Berkuasa Perancang Tempatan.

Tuntutan
berikutan
pematuhan notis
permintaan.

19. (1) Sesuatu tuntutan di bawah subseksyen (5) seksyen 30 Akta bagi perbelanjaan atau kos menjalankan kerja-kerja untuk mematuhi notis

permintaan hendaklah dibuat dalam Borang C Jadual Kelima dan hendaklah dibuat dalam tempoh satu bulan dari tarikh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan memperakui bahawa notis permintaan telah dipatuhi.

(2) Sesuatu tuntutan di bawah subseksyen (5) seksyen 30 Akta bagi kerosakan yang berupa susut nilai tanah yang dialami berikutan dengan pematuhan notis permintaan hendaklah dibuat dalam Borang D Jadual Kelima dan hendaklah dibuat dalam tempoh 6 bulan dari tarikh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan memperakui bahawa notis permintaan telah dipatuhi.

20. (1) Kad kuasa yang hendak dibawa sendiri oleh seseorang yang membuat kemasukan di bawah seksyen 45(1) Akta hendaklah dalam Borang X Jadual Keenam. Kad kuasa.

(2) Kad kuasa hendaklah diembos dengan meteri Pihak Berkuasa Perancang Tempatan dan embos patut juga dibuat supaya meteri atau sebahagian daripadanya kelihatan pada fotograf pembawa.

21. (1) Bayaran kadar sumbangan letak kereta dalam kawasan pusat bandar hendaklah seperti yang dinyatakan dalam Jadual Ketujuh. Kadar sumbangan tempat letak kereta.

JADUAL PERTAMA
KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM) 1995
BORANG A
PERMOHONAN UNTUK KEBENARAN MERANCANG
[Kaedah 3(1)]
mengikut
Seksyen 21(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

Kepada Pihak Berkuasa Perancang Tempatan
Majlis Daerah/Perbandaran

.....
.....
.....

Saya/kami.....
(Nama penuh pemohon dengan huruf besar)

beralamat.....

KPPN No. dengan ini memohon untuk kebenaran merancang berkenaan dengan pemajuan yang berikut:

- (a) Untuk *mendirikan/membina/menjalankan di atas tanah yang diperihalkan di bawah ini *suatu bangunan/ bangunan-bangunan/kerja-kerja mengikut pelan yang disertakan;
- (b) Untuk membuat perubahan yang matan dalam penggunaan tanah diperihalkan di bawah ini mengikut pelan yang disertakan;
- (c) Untuk membuat perubahan yang matan dalam penggunaan bangunan di atas tanah yang diperihalkan di bawah ini mengikut pelan yang disertakan;
- (d) Untuk menjalankan tambahan atau perubahan ke atas sesuatu bangunan di atas tanah yang diperihalkan di bawah ini mengikut pelan yang disertakan.

Penggunaan tanah yang sedia ada Penggunaan bangunan yang sedia ada (jika ada) di atas tanah Kepentingan pemohon pada tanah: tuan punya/penduduk/bakal pembeli/kepentingan lain:.....

2. Seperti yang dikehendaki oleh kaedah 3(2), Kaedah-kaedah Pengawalan Perancangan (AM) 1995, saya/kami sekarang menyerahkan semua dokumen-dokumen dan pelan-pelan yang relevan sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

3. Seperti yang dikehendaki oleh kaedah 5, Kaedah-kaedah Pengawalan Perancangan (Am) 1995, saya/kami sekarang menyerahkan bayaran sebanyak RM

(Ringgit:

.....) sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga.

Tarikh:.....

.....
(Tandatangan Pemohon)

-
- # Bubuh tanda coret dalam kotak yang berkenaan
* Potong mana yang tidak berkenaan

 PERIHAL TANAH

Majlis Daerah/Perbandaran:.....

No. Geran/No. Pajak/No. Hakmilik Sementara:.....

Alamat:.....

No. Lot:.....

Jenis Penggunaan (bangunan, pertanian, Perusahaan):.....

.....

Mukim:.....

(Jika permohonan melibatkan lebih daripada satu lot, lampirkan satu perihal sama bagi tiap-tiap lot lain itu)

PERSETUJUAN TUAN PUNYA TANAH

Saya/kami.....

(Nama tuan punya tanah)

beralamat:.....

KPPN No..... tuan punya tanah yang diperihalkan di atas, bersetuju dengan pemajuan yang baginya kebenaran merancang dipohon dengan ini.

Tarikh:.....

Tandatangan

(Jika ada tuan punya lain, lampirkan persetujuan yang sama bagi tiap-tiap satu)

 NAMA TUAN PUNYA TANAH-TANAH BERSEMPADAN

1. Nama:..... 2. Nama:.....

Lot No.:..... Lot No.:.....

Alamat:..... Alamat:.....

.....

.....

.....

3. Nama:.....	4. Nama:.....
Lot No.:.....	Lot No.:.....
Alamat:.....	Alamat:.....
.....
.....
.....

UNTUK KEGUNAAN RASMI SAHAJA

Permohonan merancang No.:.....

Tarikh terima:.....

Rujukan No.:.....

Rancangan Tempatan No.:.....

Jenis penggunaan dalam Rancangan Tempatan:.....

Nisbah lot dalam Rancangan Tempatan:.....

Tarikh diakui terima:.....

AKUAN TERIMA PERMOHONAN

Majlis Daerah/Perbandaran.....

Kedah Darul Aman dengan ini mengaku terima permohonan.....

.....

bertarikh..... untuk kebenaran merancang berkenaan

dengan pemajuan tanah yang mempunyai Hakmilik No.....

Lot No..... dalam Mukim.....

Permohonan Merancang No.....

Rujukan No.....

Tarikh:.....

.....
(Pegawai Berkuasa)

JADUAL PERTAMA
 KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM) 1995
 BORANG B
 PERMOHONAN BAGI PERLANJUTAN/PERLANJUTAN TAMBAHAN
 KEBENARAN MERANCANG
 [Kaedah 4]
 mengikut
 Seksyen 24(3) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

Kepada Pihak Berkuasa Perancang Tempatan,
 Majlis Daerah/Perbandaran,

.....

Saya/kami.....
 (Nama penuh pemohon dengan huruf besar)

beralamat:.....

KPPN No. dengan ini memohon *perlanjutan/
 perlanjutan tambahan kebenaran merancang Rujukan No.....
 yang diberi kepada saya pada berkenaan dengan
 pemajuan yang dicadangkan di atas lot No.....
 dalam Mukim

2. Saya/kami belum memulakan pemajuan dan tidak akan dapat berbuat
 demikian sebelum kebenaran merancang luput, di atas sebab-sebab berikut:

.....

3. Saya lampirkan resit No. bagi jumlah wang
 RM.....)

yang dikeluarkan kepada saya pada bagi Fee
 (Tarikh)
 untuk mengisi permohonan asal saya untuk kebenaran merancang.

Tarikh:.....
 Tandatangan Pemohon

UNTUK KEGUNAAN RASMI SAHAJA

Permohonan Merancang No:.....

Pelan Tempatan No:.....

Jenis Penggunaan dalam Pelan Tempatan:.....

Nisbah lot dalam Pelan Tempatan:.....

Tarikh *kebenaran merancang/perlanjutan akhir:.....

*Potong mana yang tidak berkenaan.

JADUAL PERTAMA
KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM) 1995
BORANG C(1)
KEBENARAN MERANCANG
[Kaedah 10(1)]
mengikut
Seksyen 22(3) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

Nombor Rujukan:.....

Kebenaran Merancang adalah dengan ini diberi kepada

(Nama Pemohon)

beralamat.....

bagi maksud.....

(Nyatakan jenis pemajuan)

sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan yang dilampirkan di atas Lot

No..... dalam Mukim

kebenaran merancang tersebut adalah dengan ini diberi dari
tarikh.....

Pemberian kebenaran merancang adalah tertakluk kepada syarat-syarat
berikut:

Tarikh:..... Meteri:.....

(Tandatangan Pengesahan)
Pegawai Berkuasa

Nota: Mengikut peruntukan seksyen 23(1)(a), tuan berhak membuat rayuan di atas keputusan yang dibuat oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan dalam tempoh satu bulan dari tarikh keputusan itu disampaikan.
Rayuan hendaklah dialamatkan kepada Pendaftar Lembaga Rayuan Kedah Darul Aman.

JADUAL PERTAMA
KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM) 1995
BORANG C(2)
PENOLAKAN KEBENARAN MERANCANG
[Kaedah 10(2)]
mengikut
Seksyen 22(3) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

Kepada:

.....
.....
.....
.....

(Pihak Berkuasa Perancang Tempatan)

Setelah menimbangkan permohonan tuan dan mengambilkira perkara-perkara yang dikehendaki oleh undang-undang dengan ini membuat

keputusan menolak kebenaran merancang kepada.....
(Nama Penuh)

beralamat.....

bagi tujuan.....
(Nyatakan jenis pemajuan)

No. Lot Dalam

Mukim.....

Pihak Berkuasa Perancang Tempatan telah menolak kebenaran merancang di atas sebab-sebab yang berikut:

.....
.....
.....

Tarikh:.....

Meteri.....

Pegawai Berkuasa

Nota: Mengikut peruntukan seksyen 23(1)(a), tuan berhak membuat rayuan di atas keputusan yang dibuat oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan dalam tempoh satu bulan dari tarikh keputusan itu disampaikan.
Rayuan hendaklah dialamatkan kepada Pendaftar Lembaga Rayuan Kedah Darul Aman.

JADUAL KEDUA
KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM) 1995
DOKUMEN-DOKUMEN DAN PELAN YANG HENDAKLAH DISERTAKAN
DENGAN PERMOHONAN UNTUK
KEBENARAN MERANCANG
[Kaedah 3(2)]
mengikut
Seksyen 21(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

A. Mengenai apa-apa pemajuan selain daripada pecah bahagian dan penyatuan

1. 8 salinan tiap-tiap satu, dan apa-apa salinan tambahan yang dikehendaki oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan, akan pelan tapak atau pelan susunatur yang ditandatangani oleh pemohon, pemunya tanah berdaftar dan orang yang menyediakan pelan itu.

Pelan mestilah—

- (a) dilukis mengikut sekil yang sesuai beza antara 1:200 hingga 1:1000 atau yang setara dengannya, termasuk suatu pelan punca yang dilukis mengikut sekil 1 inci bagi 1 batu atau 1:50,000 meliputi kawasan dalam 1 jarak lingkungan 3 batu dari pemajuan yang dicadangkan itu; dan tunjukkan semua penanda batu jarak lingkungan itu;
- (b) menunjukkan tapak sebenar di mana bangunan yang dicadangkan itu akan didirikan atau, mengenai bangunan yang sedia ada, tapak sebenar di mana bangunan itu terdiri;
- (c) menunjukkan nombor lot dan kawasan tanah;
- (d) menunjukkan dengan jelas dengan warna-warna yang sesuai berbagai penggunaan tanah itu;
- (e) menunjukkan kedudukan, hujung, persilangan, dan lebar semua jalan baru yang dicadangkan hendak direzabkan, disusunatur atau dibina di atas tanah itu.
- (f) menunjukkan saliran bawah tanah yang dicadangkan, termasuk keluaran saliran ke parit-parit tepi jalan yang biasa;
- (g) menunjukkan jalan masuk yang sah dari tapak ke jalan raya;
- (h) menunjukkan kegunaan-kegunaan bersempadan;

- (i) menunjukkan garisan bangunan dan anjak belakang dari simpanan jalan;
 - (j) menunjukkan pengekalan senitaman ke atas pemajuan yang dicadangkan;
 - (k) menunjukkan Garisan Kontur mengikut jeda di antara 1 hingga 5 kaki;
 - (l) menunjukkan tanda utara dan sekil;
 - (m) susunan tempat letak kereta;
 - (n) menyediakan ruang syarat teknikal dan ruang syarat kelulusan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan di atas pelan;
2. Suatu pernyataan yang memperihalkan pemajuan yang dicadangkan iaitu Laporan Cadangan Pemajuan (LCP).
 3. Salinan benar hakmilik tanah yang diperakui.
 4. Dokumen-dokumen sah untuk menjamin adanya laluan yang sah dari tapak ke jalan raya.
 5. 8 salinan tiap-tiap satu, dan apa-apa salinan-salinan tambahan yang dikehendaki oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan, akan lakaran pelan bangunan yang dicadangkan atau tambahan-tambahan yang dicadangkan atau perubahan-perubahan kepada bangunan yang sedia ada, yang menunjukkan tapak, bahagian dan kegunaan-kegunaan yang dicadangkan bagi tiap-tiap tingkat dan ukuran masing-masing.
 6. Suatu contoh atau ilustrasi mengikut perspektif pemajuan yang dicadangkan jika dikehendaki oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan.

JADUAL KETIGA
 KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM) 1995
 BAHAGIAN SATU
 FEE PERMOHONAN UNTUK KEBENARAN MERANCANG
 [Kaedah-5]
 mengikut

Seksyen 58(2) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

Ruang 1
 Kategori

Ruang 2
 Fee

- (1) Untuk mendirikan sebuah bangunan baru sama ada di atas tanah kosong atau menggantikan sebuah bangunan yang sedia ada di atas sesuatu tanah

Ruang 1 Kategori	Ruang 2 Fee
(a) Untuk tujuan kediaman	RM30.00 seunit bagi 100 unit rumah yang pertama.
	RM25.00 seunit bagi 100 unit selepas itu.
	RM20.00 seunit bagi lebih 200 unit.
(b) Untuk tujuan bukan kediaman:	
(i) stesen minyak petrol	RM500.00 satu permohonan
(ii) pemajuan terbuka/ pandu masuk seperti restoran, panggung wayang	RM500.00 satu permohonan
(iii) Untuk mendirikan bangunan selain dari yang dinyatakan di dalam perenggan kecil (i) dan (ii)	RM4.00 bagi setiap 100 kaki persegi atau sebahagian darinya.
(c) Untuk pemajuan campuran yang terdiri dari tujuan kediaman dan bukan kediaman.	Bayaran ditentukan dalam perenggan 1(a) dan 1(b)
(d) Untuk mendirikan bangunan selain dari yang dicatatkan di dalam (a) dan (b)	RM20.00 satu permohonan
(2) Untuk membuat perubahan yang matan dalam penggunaan tanah.	RM100.00 satu permohonan

Ruangan 1 Kategori	Ruangan 2 Fee
(3) Untuk membuat perubahan yang matan dalam penggunaan bangunan.	RM100.00 satu permohonan untuk bangunan kekal. RM30.00 satu permohonan untuk bangunan sementara/ separa kekal.
(4) Untuk menjalankan tambahan/ pindaan ke atas sesuatu bangunan:	
(a) Untuk tujuan kediaman:	
(i) Untuk tambahan/ pindaan yang melibatkan tambahan bilangan unit.	RM30.00 seunit bagi setiap tambahan 100 unit rumah yang pertama. RM25.00 seunit bagi setiap tambahan 100 unit selepas itu. RM20.00 seunit bagi lebih dari 200 unit.
(ii) Untuk tambahan/ pindaan yang tidak melibatkan tambahan bilangan unit.	RM10.00 satu permohonan.
(b) Untuk tujuan bukan kediaman:	
(i) Untuk tambahan/ pindaan yang melibatkan tambahan kepada ruang lantai bangunan.	RM4.00 bagi setiap tambahan 100 kaki persegi atau sebahagian darinya.
(ii) Untuk tambahan/ pindaan yang tidak melibatkan tambahan kepada ruang lantai bangunan.	RM20.00 satu permohonan.
(c) Untuk pemajuan campuran yang terdiri dari tujuan kediaman dan bukan kediaman.	Bayaran ditentukan di dalam perenggan kecil 4(a) dan 4(b).

JADUAL KETIGA
 KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM) 1995
 BAHAGIAN DUA
 FEE PERMOHONAN UNTUK MELANJUTKAN KEBENARAN MERANCANG
 [Kaedah 5]
 mengikut
 Seksyen 24(3) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

Ruangan 1 Kategori	Ruangan 2 Fee
1. Untuk mendirikan sebuah bangunan sama ada di atas tanah kosong atau menggantikan sebuah bangunan yang sedia ada di atas sesuatu tanah	Sepuluh ringgit (RM10.00) setiap permohonan atau sepuluh peratus mana-mana yang lebih tinggi, daripada fee yang dikenakan di Ruangan 2, Kategori 1 dalam BAHAGIAN SATU.
2. Untuk membuat perubahan yang matan dalam penggunaan tanah.	Sepuluh ringgit (RM10.00) setiap permohonan atau sepuluh peratus mana-mana yang lebih tinggi, daripada fee yang dikenakan di Ruangan 2, Kategori 2 dalam BAHAGIAN SATU.
3. Untuk membuat perubahan yang matan dalam penggunaan bangunan	Sepuluh ringgit (RM10.00) setiap permohonan atau sepuluh peratus mana-mana yang lebih tinggi, daripada fee yang dikenakan di Ruangan 2, Kategori 3 dalam BAHAGIAN SATU.

JADUAL KETIGA
 KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM) 1995
 BAHAGIAN TIGA
 FEE TAMBAHAN UNTUK PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG
 [Kaedah 5]
 mengikut
 Seksyen 27(3) dan 28(3) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

Ruangan 1 Kategori	Ruangan 2 Fee
(A) Untuk kemajuan di mana tidak terdapat kebenaran merancang yang sah, atau kelulusan pelan bangunan yang sah	Sepuluh kali ganda fee yang dikenakan dalam Ruangan 2, BAHAGIAN SATU.

JADUAL KEEMPAT
 KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM) 1995
 BORANG A
 NOTIS KEPADA TUAN PUNYA TANAH BERSEMPADAN
 [Kaedah 8]
 mengikut
 Seksyen 21(6) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

Kepada:

.....

(Nama Pihak Berkuasa Perancang Tempatan)

Kedah Darul Aman telah menerima suatu permohonan
 daripada
 beralamat
 untuk kebenaran merancang bagi maksud.....

(Nyatakan jenis pemajuan)

di atas Lot No. dalam Mukim.....

NOTIS INI adalah untuk memaklumkan kepada kamu tentang hak kamu, sebagai pemunya tanah yang bersempadan dengan tanah yang berkaitan dengan permohonan, untuk membantah permohonan itu dalam tempoh dua puluh satu hari dari tarikh notis ini disampaikan.

Bantahan mesti disertakan dengan suatu kenyataan dengan alasan-alasan baginya.

Dalam menimbangkan permohonan itu, Pihak Berkuasa Perancang Tempatan akan mengambil apa-apa bantahan yang kamu buat dan alasan-alasannya dalam pertimbangan, dan kamu akan diberitahu berkenaan keputusan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan dalam perkara itu.

Butir-butir mengenai pemajuan yang dicadangkan itu boleh didapati dari pejabat Pihak Berkuasa Perancang Tempatan.

Tarikh:.....

(Nama)

Pegawai Berkuasa

JADUAL KEEMPAT
 KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM) 1995
 BORANG B
 NOTIS KEPADA PEMBANTAH AKAN PEMBERIAN
 KEBENARAN MERANCANG
 [Kaedah 11]
 mengikut
 Seksyen 22(6) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

Kepada:

.....

AMBIL PERHATIAN BAHAWA.....
 (Nama Pihak Berkuasa Perancang Tempatan)

Selepas mendengar bantahan kamu dan dengan mengambil
 pertimbangan perkara-perkara yang dikehendaki oleh undang-undang,
 telah memutuskan untuk memberi kebenaran merancang kepada kamu:

.....
 (Nama Penuh)

beralamat.....

bagi maksud.....
 (Nyatakan jenis pemajuan)

di atas lot No. dalam Mukim

Kebenaran merancang ini tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:

.....

Tarikh:..... Meteri.....
 (Tandatangan Pengesahan)

Nota: Mengikut peruntukan seksyen 23(1)(a), tuan berhak membuat rayuan di atas
 keputusan yang dibuat oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan dalam tempoh
 satu bulan dari tarikh keputusan itu disampaikan.
 Rayuan hendaklah dialamatkan kepada Pendaftar Lembaga Rayuan Kedah Darul
 Aman.

JADUAL KEEMPAT
 KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM) 1995
 BORANG C(1)
 PERINTAH MENARIK BALIK KEBENARAN MERANCANG ATAU KELULUSAN
 PELAN BANGUNAN
 [Kaedah 12(1)]
 mengikut
 Seksyen 25(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

BAHAWASANYA pada pendapat Pihak Berkuasa Perancang Tempatan adalah untuk kepentingan awam supaya ditarik balik *kebenaran merancang/kelulusan pelan bangunan dengan nombor rujukan

..... yang *diberi/kepada

pada..... di bawah *seksyen 22(3) Akta Perancangan Bandar

dan Desa 1976/seksyen.....

dalam.....

Pihak Berkuasa Perancang Tempatan, pada menjalankan kuasa di bawah seksyen 25(1) Akta tersebut, dengan ini memerintahkan supaya *kebenaran merancang/kelulusan pelan bangunan ditarik balik.

..... tersebut adalah dikehendaki merobohkan *bangunan-bangunan/bangunan yang didirikan menurut *kebenaran

merancang/kelulusan pelan bangunan dalam tempoh..... dari tarikh pengesahan perintah ini oleh Jawatankuasa Perancang Negeri.

Pihak Berkuasa Perancang Tempatan adalah bersedia membayar balik..... yang tersebut wang sebanyak RM.....

(Ringgit.....) berkenaan dengan kos yang dilakukan olehnya pada menjalankan perobohan itu.

Tarikh:..... METERI.....
 (Tandatangan Pengesahan)
 Pegawai Berkuasa

TAMBAHAN

Kepada.....

.....

.....

.....

Ambil perhatian bahawa Pihak Berkuasa Perancang Tempatan telah memerintahkan penarikan balik *kebenaran merancang/kelulusan pelan

bangunan dengan nombor rujukan yang diberi kepada

kamu pada satu salinan perintah tersebut adalah dengan ini disampaikan kepada kamu menurut kaedah 12(2) Kaedah-kaedah Pengawalan Perancangan (AM) Kedah Darul Aman 1995.

Penarik balikan tersebut telah disahkan oleh Jawatankuasa Perancang

Negeri pada

Kamu boleh, dalam tempoh enam bulan selepas perintah ini disampaikan, dengan menggunakan Borang A dalam Jadual Kelima kepada Kaedah-kaedah Pengawalan Perancangan (AM) Kedah Darul Aman 1995, membuat tuntutan pampasan daripada pihak berkuasa tempatan bagi apa-apa perbelanjaan yang kamu telah lakukan pada menjalankan kerja-kerja untuk melaksanakan *kebenaran/kelulusan sebelum penarik baliknya.

Tarikh:..... **METERI**.....
(Tandatangan Pengesahan)
Pegawai Berkuasa

*Potong mana yang tidak berkenaan.

JADUAL KEEMPAT
KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM) 1995
BORANG C(2)
PERINTAH MENGUBAHSUAI KEBENARAN MERANCANG ATAU KELULUSAN
PELAN BANGUNAN
[Kaedah 12(2)]
mengikut

Seksyen 25(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

BAHAWASANYA pada pendapat Pihak Berkuasa Perancang Tempatan adalah untuk kepentingan awam supaya diubahsuai *kebenaran merancang/

kelulusan pelan bangunan dengan nombor rujukan

yang diberi kepada pada

di bawah *seksyen 22(3) Akta Perancang Bandar dan Desa 1976/seksyen

..... Akta

Pihak Berkuasa Perancang Tempatan, pada menjalankan kuasanya di bawah seksyen 25(1) Akta tersebut, dengan ini memerintahkan supaya *kebenaran merancang/kelulusan pelan bangunan tersebut diubahsuai sebagaimana yang ditetapkan dalam arahan-arahan yang dilampirkan pada perintah ini.

Tarikh:..... METERI.....
 (Tandatangan Pengesahan)
 Pegawai Berkuasa

Kepada.....

Ambil perhatian bahawa Pihak Berkuasa Perancang Tempatan telah memerintahkan supaya diubahsuai *kebenaran merancang/kelulusan pelan

bangunan dengan nombor rujukan yang diberi kepada

kamu pada satu salinan perintah itu adalah dengan ini disampaikan kepada kamu menurut kaedah 12(2) Kaedah-kaedah Pengawasan Perancangan (AM) Kedah Darul Aman 1995.

Pengubahsuaian tersebut telah disahkan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri pada

Kamu boleh, dalam tempoh enam bulan selepas perintah ini disampaikan, dengan menggunakan Borang B dalam Jadual Kelima kepada Kaedah-kaedah Pengawasan Perancangan (AM) Kedah Darul Aman 1995, menuntut daripada Pihak Berkuasa Perancang Tempatan kos yang betul-betul dan munasabah dilakukan oleh kamu pada menjalankan ubahsuaian ini iaitu kos yang tentu tidak dilakukan oleh kamu jika sekiranya tidak diperintahkan ubahsuaian itu dijalankan, dan pampasan bagi apa-apa kerugian yang kamu alami akibat dari ubahsuaian itu.

Tarikh:..... METERI.....
 (Tandatangan Pengesahan)
 Pegawai Berkuasa

*Potong mana yang tidak berkenaan.

JADUAL KEEMPAT
KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM) 1995
BORANG D

NOTIS SUPAYA MEMULIHKAN SEMULA TANAH KEPADA KEADAAN
ASAL DALAM HAL PEMAJUAN TANPA KEBENARAN MERANCANG

[Kaedah 14(1)]

mengikut

Seksyen 27(2)(a) Akta Perancangan Bandar dan Desa

Kepada:

(1).....

.....

.....

.....

(Pemunya)

(2).....

.....

.....

.....

(Penduduk)

BAHAWASANYA pada pendapat Pihak Berkuasa Perancang Tempatan pemajuan yang butir-butirnya diberi di bawah ini telah dijalankan tanpa kebenaran merancang.

DANBAHAWASANYA Pihak Berkuasa Perancang Tempatan adalah puas hati bahawa, jika sekiranya sesuatu permohonan untuk *kebenaran merancang/perlanjutan kebenaran merancang berkenaan dengan pemajuan dimulakan, diusahakan, atau dijalankan, ia tentu, pada menjalankan kuasanya dengan wajar, enggan memberi kebenaran merancang bagi pemajuan itu;

KAMU dengan ini adalah dikehendaki mematuhi dalam tempoh

..... mulai dari tarikh notis ini disampaikan, dengan kehendak-kehendak yang dinyatakan di bawah ini, supaya tanah itu akan dipulihkan semula setakat yang mungkin seperti keadaan sebelum pemajuan iu dimulakan.

AMBIL PERHATIAN bahawa, menurut seksyen 27(9) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976. kegagalan mematuhi apa-apa kehendak notis ini dalam tempoh yang dibenarkan adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit dan denda tambahan sehingga lima ratus ringgit bagi tiap-tiap satu hari kegagalan itu diteruskan selepas sabitan yang pertama bagi kesalahan itu.

Tarikh:..... METERI.....
(Pegawai Berkuasa)

*Potong mana yang tidak berkenaan.

BUTIR-BUTIR PEMAJUAN

Lot

Mukim

Negeri

Jenis Pemajuan

.....

KEHENDAK-KEHENDAK UNTUK DIPATUHI

Tarikh:..... METERI.....
(Pegawai Berkuasa)

*Potong mana yang tidak berkenaan.

JADUAL KEEMPAT
KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM) 1995
BORANG E
NOTIS SUPAYA MEMBERHENTIKAN PEMAJUAN DAN MEMULIHKAN
SEMULA TANAH KEPADA KEADAAN ASAL DALAM HAL PEMAJUAN TANPA
KEBENARAN MERANCANG
[Kaedah 14(2)]
mengikut
Seksyen 27(2)(b) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

Kepada:

(1).....
.....
.....
.....
(Pemunya)

(2).....

.....

.....

.....

(Orang yang menjalankan pemajuan)

BAHAWASANYA pada pendapat Pihak Berkuasa Perancang Tempatan pemajuan yang butir-butirnya diberi di bawah ini sedang diusahakan atau dijalankan tanpa kebenaran merancang.

DAN BAHAWASANYA Pihak Berkuasa Perancang Tempatan adalah puas hati bahawa, jika sekiranya sesuatu permohonan untuk *kebenaran merancang/perlanjutan kebenaran merancang berkenaan dengan pemajuan itu telah dibuat sebelum pemajuan itu dimulakan, diusahakan, atau dijalankan, ia tentu, pada menjalankan kuasa-kuasanya dengan wajar, enggan memberi kebenaran merancang bagi pemajuan.

KAMU dengan ini adalah dikehendaki menghentikan pemajuan dengan

serta-merta dan mematuhi, dalam tempoh mulai dari tarikh notis ini disampaikan, dengan kehendak-kehendak yang dinyatakan di bawah ini, supaya tanah itu dipulihkan semula setakat yang mungkin seperti keadaannya sebelum pemajuan itu dimulakan.

AMBIL PERHATIAN

(a) bahawa, menurut seksyen 27(6) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, tindakan meneruskan pemajuan tersebut selepas notis ini disampaikan adalah suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit dan denda tambahan sehingga lima ratus ringgit bagi tiap-tiap satu hari pemajuan itu dijalankan selepas sabitan yang pertama bagi kesalahan itu; dan

(b) bahawa, menurut seksyen 27(9) Akta tersebut, kegagalan mematuhi apa-apa kehendak notis ini dalam tempoh yang dibenarkan adalah suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit dan denda tambahan sehingga lima ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kegagalan itu diteruskan selepas sabitan yang pertama bagi kesalahan itu.

Tarikh:.....

METERI.....

(Pegawai Berkuasa)

*Potong mana yang tidak berkenaan.

BUTIR-BUTIR PEMAJUAN

Lot

Mukim

Negeri

Jenis Pemajuan

.....

KEHENDAK-KEHENDAK YANG HENDAKLAH DIPATUHI

Tarikh: METERI
(Pegawai Berkuasa)JADUAL KEEMPAT
KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM) 1995

BORANG F

NOTIS MENGHENDAKI SUPAYA PERMOHONAN UNTUK KEBENARAN
MERANCANG DIBUAT DALAM HAL PEMAJUAN TANPA KEBENARAN

MERANCANG

[Kaedah 14(3)]

mengikut

Seksyen 27(3) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

Kepada:

.....

.....

.....

(Pemunya, penduduk, atau orang yang menjalankan pemajuan)

BAHAWASANYA pada pendapat Pihak Berkuasa Perancang Tempatan
pemajuan yang butir-butirnya diberi di bawah ini *telah/sedang diusahakan
atau dijalankan tanpa kebenaran merancang.KAMU dengan ini adalah dikehendaki memohon kebenaran merancang
berkenaan dengan pemajuan dalam tempoh mulai
dari tarikh notis ini disampaikan.

Pemberian notis ini tidak boleh ditafsirkan sebagai tanda mahu memberi kebenaran merancang dan hendaklah tidak menyentuh kuasa Pihak Berkuasa Perancang Tempatan bagi menolak permohonan untuk kebenaran merancang.

Tarikh:..... METERI.....
(Pegawai Berkuasa)

*Potong mana yang tidak berkenaan.

BUTIR-BUTIR PEMAJUAN

Lot
Mukim
Negeri
Jenis Pemajuan
.....

JADUAL KEEMPAT
KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM) 1995
BORANG G
NOTIS SUPAYA MEMBERHENTIKAN PEMAJUAN DALAM HAL PEMAJUAN
TANPA KEBENARAN MERANCANG
[Kaedah 14(4)]
mengikut
Seksyen 27(4) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

Kepada:

(1)
.....
.....
.....
(Pemunya)

(2)
.....
.....
.....
(Orang yang menjalankan pemajuan)

BAHAWASANYA pada pendapat Pihak Berkuasa Perancang Tempatan pemajuan yang butir-butirnya adalah diberi di bawah ini sedang diusahakan atau dijalankan tanpa kebenaran merancang.

KAMU dengan ini dikehendaki menghentikan pemajuan dengan serta merta.

AMBIL PERHATIAN bahawa, menurut seksyen 27(6) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, kegagalan menghentikan pemajuan tersebut selepas notis ini disampaikan adalah suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit dan denda tambahan sehingga lima ratus ringgit bagi tiap-tiap satu hari pemajuan itu dijalankan selepas sabitan yang pertama bagi kesalahan itu.

Tarikh: METERI
(Pegawai Berkuasa)

BUTIR-BUTIR PEMAJUAN

Lot

Mukim

Negeri

Jenis Pemajuan

.....

JADUAL KEEMPAT
KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM) 1995
BORANG H
NOTIS SUPAYA TANAH DIPULIHKAN SEMULA KEPADA KEADAAN ASAL
SELEPAS KEGAGALAN UNTUK MEMOHON ATAU KEGAGALAN UNTUK
MENDAPAT KEBENARAN MERANCANG
[Kaedah 14(5)]
mengikut
Seksyen 27(8) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

Kepada:

.....

.....

.....

(Pemunya, penduduk, atau orang yang menjalankan pemajuan)

BAHAWASANYA melalui notis dengan nombor rujukan
 dan tarikh pada Pihak Berkuasa Perancang Tempatan
 menghendaki

(Pemunya, penduduk, atau orang yang menjalankan pemajuan)

memohon untuk kebenaran merancang berkenaan dengan pemajuan yang
 butir-butirnya adalah diberi di bawah ini yang pada pendapat Pihak
 Berkuasa Perancang Tempatan *telah/sedang diusahakan atau dijalankan
 tanpa kebenaran merancang:

DAN BAHAWASANYA *permohonan bagi kebenaran merancang
 tidak dibuat dalam tempoh yang dibenarkan/permohonan bagi kebenaran
 merancang yang dibuat menurut notis tersebut ditolak:

KAMU dengan ini dikehendaki mematuhi, dalam tempoh
 mulai dari tarikh notis ini disampaikan, kehendak-kehendak yang
 dinyatakan di bawah ini supaya tanah itu dipulihkan semula setakat yang
 mungkin seperti keadaannya sebelum pemajuan itu dimulakan.

AMBIL PERHATIAN bahawa, menurut seksyen 27(9) Akta
 Perancangan Bandar dan Desa 1976, kegagalan mematuhi apa-apa
 kehendak notis ini dalam tempoh yang dibenarkan adalah suatu kesalahan
 dan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit dan
 denda tambahan sehingga lima ratus ringgit bagi tiap-tiap satu hari
 kegagalan itu diteruskan selepas sabitan yang pertama bagi kesalahan itu.

Tarikh: METERI
 (Pegawai Berkuasa)

*Potong mana yang tidak berkenaan.

BUTIR-BUTIR PEMAJUAN

Lot

Mukim

Negeri

Jenis Pemajuan

.....

KEHENDAK-KEHENDAK YANG HENDAKLAH DIPATUHI

Tarikh:..... METERI.....
(Pegawai Berkuasa)

JADUAL KEEMPAT
KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM) 1995
BORANG I(1)
NOTIS SUPAYA PEMAJUAN MENEPATI KEBENARAN MERANCANG ATAU
SYARAT-SYARAT
[Kaedah 15(1)]
mengikut
Seksyen 28(2)(a) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

Kepada:

(1).....

.....

.....

.....

(Pemunya)

(2).....

.....

.....

.....

(Penduduk)

BAHAWASANYA pada pendapat Pihak Berkuasa Perancang Tempatan bahawa pemajuan yang butir-butirnya diberi di bawah ini telah dijalankan dengan cara lain daripada menepati *kebenaran/syarat-syarat kebenaran merancang nombor rujukan butir-butir tidak mematuhi diberi di bawah ini:

DAN BAHAWASANYA Pihak Berkuasa Perancang Tempatan adalah puas hati bahawa, jika sekiranya permohonan bagi kebenaran merancang menunjukkan bahawa pemajuan itu akan mengambil atau menghasilkan bentuk atau keadaannya sekarang, ia tentu, pada menjalankan kuasa-kuasanya dengan wajar, telah enggan memberikan kebenaran merancang untuk pemajuan itu:

DAN dengan ini dikehendaki mematuhi, dalam tempoh
mulai dari tarikh notis ini disampaikan, kehendak-kehendak yang
dinyatakan di bawah ini, supaya pemajuan itu menepati *kebenaran
